

<b>Headline</b>	Alam kekal lestari bersama Janamanjung		
<b>MediaTitle</b>	Berita Harian		
<b>Date</b>	10 Apr 2019	<b>Language</b>	Malay
<b>Circulation</b>	82,252	<b>Readership</b>	246,756
<b>Section</b>	Nasional	<b>Page No</b>	17
<b>ArticleSize</b>	821 cm <sup>2</sup>	<b>Journalist</b>	Azzman Abdul
<b>PR Value</b>	RM 81,558		



**Janamanjung mengekalkan** kelestarian alam sekitar.



# Alam kekal lestari bersama Janamanjung

● Selain patuh syarat ditetapkan JAS, diperakui sebagai teknologi penjanaan mesra alam

Oleh Azzman Abdul Jamal  
azzman@bh.com.my

► Manjung

**S**tesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di sini, membuktikan bahawa teknologi mampu menyatakan keharmonian dengan alam kerana bukan sahaja tidak menjelaskan, malah sudah menjadi sebahagian daripada ekosistem semula jadi sepanjang 20 tahun kewujudannya.

Kelima-lima unit yang menjana sejumlah 4,100MW itu menggunakan teknologi bersih arang batu, khususnya Manjung 4 dan 5 sebagai Ultra-Super Critical Coal-Fired Power Plant yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Pengarah Urusan TNB Janamanjung (TNBJ), Datuk Shamsul Ahmad berkata, pihaknya mempunyai sistem pemantauan alam sekeliling dalam lingkungan lima kilometer dari stesen, selain mematuhi semua syarat ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), sekali gus diperakui sebagai teknologi penjanaan mesra alam.

"Kehidupan flora dan fauna sekeliling, kekal lestari dengan kehadiran stesen ini," katanya dalam temubual khas sempena perjalanan dua dekad kewujudan Janamanjung di atas pulau buatan seluas 325 hektar, di sini, baru-baru ini.

Stesen berkenaan mempunyai kolam arang batu berkapasiti 25 tahun, yang rendah kadar penggunaannya berikutan bahan buangan itu mendapat pasaran sebagai input membuat simen.

Terdapat juga kolam air rawatan daripada buangan stesen sebelum dilepaskan ke alam semula jadi. Kolam itu menjadi tempat pembiakan ikan tilapia sebagai bukti bahawa air buangan berkenaan telah ditapis dan selamat untuk hidupan marin.

Tidak dinafikan, TNBJ ketika mula beroperasi, mendapat beberapa tentangan daripada penduduk setempat berikutan persepsi bahawa loji tenaga berbasarkan arang batu ini akan menyebabkan pencemaran kepada kawasan sekitar.

"Sejak itu, kami mengambil pendekatan mewujudkan hubungan



Ikan dipelihara bagi memastikan kualiti air yang telah digunakan betul-betul bersih di Janamanjung.

rapat bersama penduduk setempat, dan mengambil peluang untuk mendidik mereka bagaimana TNBJ mengendali loji tenaga ini serta menjelaskan teknologi yang digunakan serta inisiatif bagi menjaga kebersihan alam sekitar.

"Seterusnya, kami melaksanakan pelbagai program kehijauan bersama penduduk termasuk aktiviti menanam pokok paya bakau di lokasi terpilih. Sehingga kini, kami sudah menanam 5,000 pokok paya bakau di Pulau Janamanjung, Pasir Panjang dan Kampung Sungai Tiram," katanya.

#### Jelajah berbasikal

TNBJ juga mewujudkan acara Jelajah Berbasikal Janamanjung Fellowship Ride (JMFR) sejak 2008 yang menerima penyertaan dari seluruh dunia yang setiap peserta menyumbang satu benih paya bakau melalui yuran penyertaan masing-masing.

Sebuah sekolah berhampiran, Sekolah Menengah Kebangsaan Kg Dato Seri Kamarruddin (KDSK) pula dijadikan anak angkat sehingga ia



Roslina bersama anugerah yang diterima sekolahnya yang berhampiran dengan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah.

dinding sempena program Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan.

Pengetuanya, Roslina Ishak berata, untuk bantu ke arah pembangunan pendidikan, TNBJ turut

memyediakan sejumlah perunitan untuk membeli keperluan pelajar seperti pakaian dan beg sekolah, membantu pelajar serta bantuan khususnya dalam penganguran aktiviti sukan.